



**JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2015

**PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG TEMPAHAN PENERBANGAN DAN
PENGINAPAN**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menguatkuasakan penggunaan Borang Permohonan Tempahan Penerbangan dan Penginapan yang telah dipinda dengan mengambilkira elemen GST disamping pematuhan kepada garis panduan sedia ada agar masalah ketidak lengkapannya maklumat serta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi urusan Permohonan Pengeluaran Pesanan Belian/Tempahan (PO/LO/Waran) penerbangan dan penginapan dapat diatasi dan diperkemaskan lagi pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, pindaan terhadap borang-borang telah dibuat seperti berikut:-

- 1.1 Borang Permohonan Pengeluaran PO/LO/Waran Penerbangan (Pindaan Tahun 2015)
- 1.2 Borang Permohonan Tempahan Penginapan (Pindaan Tahun 2015)

2.0 SKOP PENGGUNAAN BORANG

Semua Pusat Tanggungjawab seperti Pusat-Pusat Pengajian, Unit-Unit dan Jabatan-Jabatan termasuk para penyelidik yang menggunakan Peruntukan Projek Penyelidikan (di bawah kawalselia Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi), Peruntukan Tabung Konsultansi (di bawah kawalselia Pusat Kerjasama Industri), Tabung-tabung Amanah/Khas (HEPA dan sebagainya) serta peruntukan mengurus UniMAP, adalah dipohon untuk menggunakan borang-borang yang dilampirkan serta mematuhi semua garis panduan yang dinyatakan dalam borang-borang berkenaan termasuk bahagian nota penting yang dipaparkan

3.0 KUAT KUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 8 April 2015.

Lampiran Hebahan melalui POSTMASTER UniMAP

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG TEMPAHAN PENERBANGAN DAN
PENGINAPAN (Oleh : Bendahari - SAODAH HASSAN)

From : POSTMASTER UniMAP <post@unimap.edu.my> Tue, Apr 07, 2015 03:25 PM
PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG
TEMPAHAN PENERBANGAN DAN
Subject : PENGINAPAN (Oleh : Bendahari - SAODAH
HASSAN) 2 attachments
To : allstaff <allstaff@unimap.edu.my>

No. Rujukan : UniMAP/ICT/Post: 04/15 (415)
Tarikh : 7 April 2015

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Y.Bhg Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

Kepada semua Staf UniMAP

**MAKLUMAN PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG PERMOHONAN
PENGELUARAN PESANAN BELIAN (PO/LO/WARAN) BAGI PENERBANGAN DAN
PENGINAPAN BERKUATKUASA 8 APRIL 2015**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari sedang dalam rangka penambahbaikan perkhidmatan jabatan ini untuk memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan sedia ada. Bagi tujuan menyelaraskan semula pindaan Borang Permohonan dengan mengambilkira elemen GST disamping pematuhan kepada garis panduan sedia ada agar masalah ketidak lengkapannya maklumat serta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi urusan Permohonan Pengeluaran Pesanan Belian/Tempahan (PO/LO/Waran) penerbangan dan penginapan dapat diatasi dan diperkemaskan lagi pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, pindaan terhadap borang-borang telah dibuat seperti berikut:-

**2.1 BORANG PERMOHONAN PENGELUARAN PO/LO/WARAN PENERBANGAN
(PINDAAN TAHUN 2015)**

2.2 BORANG PERMOHONAN TEMPAHAN PENGINAPAN (PINDAAN TAHUN 2015)

3. Borang-borang yang dilampirkan akan dikuatkuasakan mulai 8 APRIL 2015.

4. Semua Pusat Tanggungjawab seperti Pusat-Pusat Pengajian, Unit-Unit dan Jabatan-Jabatan termasuk para penyelidik yang menggunakan Peruntukan Projek Penyelidikan (di bawah kawalselia Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi), Peruntukan Tabung Konsultansi (di bawah kawalselia Pusat Kerjasama Industri), Tabung-tabung Amanah/Khas (HEPA dan sebagainya) serta peruntukan mengurus UniMAP, adalah dipohon untuk **menggunapakai BORANG-BORANG** yang dilampirkan serta **mematuhi semua garis panduan yang dinyatakan** dalam borang-borang berkenaan **termasuk bahagian NOTA PENTING** yang dipaparkan.

5. Kerjasama dan keprihatinan Y.Bhg Datuk/ Dato'/ Prof/ Prof.Madya/ Dr/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Mencarik Adat, Melarik Hasrat'

Saya yang menurut perintah,

(SAODAH HASSAN)

Bendahari UniMAP

POSTMASTER UniMAP
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis
Tel : 04-9798494 / 8109
Faks : 04-9798227
Email : post@unimap.edu.my

BORANG TEMPAHAN PENGINAPAN pindaan Thn 2015 (klsn Bendahari UniMAP).pdf
161 KB

BORANG TEMPAHAN PENERBANGAN pindaan Thn 2015 (klsn Bendahari UniMAP).pdf
117 KB